

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN R. SIVARASA  
[ SUBANG ]**

**TARIKH : 11 MAC 2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Tuan R. Sivarasa [ Subang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan bersedia melaksanakan:-**

- (a) suatu moratorium kepada kes-kes hukuman mati yang telah ditolak rayuan dan permohonan pengampunan; dan
- (b) pindaan undang-undang supaya mahkamah dikembalikan budi bicara dalam hal mengenakan hukuman mati di semua kes hukuman itu terbabit.

**JAWAPAN:      YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan pada masa ini belum mempunyai apa-apa cadangan untuk memansuhkan sepenuhnya hukuman mati sebagai suatu bentuk hukuman yang terpakai bagi mana-mana kesalahan jenayah berat. Oleh itu, buat masa ini tiada moratorium akan dilaksanakan bagi menghalang pelaksanaan hukuman mati kepada banduan yang telah selesai semua peringkat rayuannya di mahkamah dan permohonan pengampunannya telahpun ditolak oleh Lembaga Pengampunan Negeri-Negeri.
2. Namun begitu, Kerajaan tidak lagi menggalakkan pelaksanaan hukuman mati sebagai suatu bentuk hukuman dalam undang-undang baharu yang digubal melainkan bagi undang-undang tertentu seperti undang-undang yang melibatkan kesalahan keganasan (*terrorism*).
3. Hukuman mati di Malaysia terbahagi kepada dua jenis iaitu hukuman mati mandatori dan hukuman mati sebagai suatu pilihan hukuman (iaitu sama ada dijatuhi hukuman mati atau dipenjara seumur hidup bergantung kepada kuasa Mahkamah untuk menjatuhkan hukuman yang ditetapkan mengikut hal keadaan kes).
4. Hukuman mati mandatori hanya dikenakan bagi kesalahan jenayah berat yang tertentu sahaja iaitu kesalahan bunuh, kesalahan berkaitan keganasan dan pembentukan keganasan di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574], kesalahan pengedaran dadah berbahaya di

bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234] dan kesalahan melepaskan tembakan daripada sesuatu senjata api pada melakukan sesuatu kesalahan berjadual di bawah Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 [Akta 37].

5. Kesalahan yang boleh dijatuhi hukuman mati yang mana hukuman mati adalah hukuman pilihan (sama ada hukuman mati atau dipenjara seumur hidup) adalah seperti kesalahan memerangi, cuba memerangi atau bersubahat untuk memerangi Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri di bawah Kanun Keseksaan, dan kesalahan culik untuk memperoleh wang tebusan di bawah Akta Culik 1961 [Akta 365].

6. Selaras dengan perkembangan masa kini di seluruh dunia yang membabitkan pemansuhan hukuman mati di kebanyakan negara, cadangan dan desakan agar hukuman mati mandatori dimansuhkan, terutamanya bagi kesalahan pengedaran dadah berbahaya, di negara ini juga turut meningkat.

7. Cadangan agar undang-undang dipinda bagi memansuhkan hukuman mati mandatori dan kuasa budi bicara mahkamah dikembalikan dalam hal mengenakan hukuman mati telahpun dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk diteliti. Jabatan Peguam Negara telahpun memulakan penyelidikan bagi mengkaji keberkesanan pelaksanaan hukuman mati di negara ini. Skop penyelidikan tersebut juga tidak terhad kepada kedudukan hukuman mati mandatori seperti yang diperuntukkan di dalam Akta Dadah Berbahaya 1952 sahaja, malah merangkumi keseluruhan peruntukan hukuman mati yang dikuatkuasakan di negara ini dan juga

pelaksanaannya termasuklah kuasa budi bicara Mahkamah dalam hal mengenakan hukuman mati dalam semua kes yang melibatkan hukuman itu. Selain itu, penyelidikan itu akan turut meneliti kedudukan banduan yang telahpun dijatuhi hukuman mati mandatori. Penyelidikan ini masih lagi dalam tindakan Jabatan Peguam Negara.

Sekian, terima kasih.